



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : KPT

TAJUK ARTIKEL : KPT TERUS LIBAT URUS GUBAL KERANGKA BAHARU PERUNDANGAN PENDIDIKAN TINGGI

SUMBER : BERNAMA - 4 SEPTEMBER 2026

KPT Terus Libat Urus Gubal Kerangka Baharu Perundangan Pendidikan Tinggi

🕒 04/09/2026 02:22 PM



Kredit : FB Zambry Abd. Kadir

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan terus mendapatkan pandangan semua kluster dan pemegang taruh bagi memastikan penggubalan akta serta kerangka perundangan baharu pendidikan tinggi negara dilaksanakan secara menyeluruh.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata input dan kepakaran penasihat undang-undang universiti awam (UA) amat penting dalam membantu membentuk sebuah akta yang bukan sahaja kukuh dari sudut undang-undang, tetapi juga praktikal dan mampu memenuhi keperluan sebenar ekosistem pendidikan tinggi.

"Proses ini akan terus dilaksanakan secara terbuka, inklusif dan menyeluruh. Setiap pandangan akan diteliti agar kerangka baharu yang dibangunkan dapat memperkukuh autonomi, akauntabiliti, tadbir urus serta kebebasan yang bertanggungjawab di institusi pendidikan tinggi," katanya menerusi hantaran Facebook hari ini.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : KPT

TAJUK ARTIKEL : KPT TERUS LIBAT URUS GUBAL KERANGKA BAHARU PERUNDANGAN PENDIDIKAN TINGGI

SUMBER : BERNAMA - 4 SEPTEMBER 2026

Terdahulu, Zambry menerima kunjungan hormat daripada kumpulan penasihat undang-undang UA yang mempunyai pengalaman luas dalam aspek perundangan, tadbir urus dan operasi institusi.

Beliau berkata pelbagai pandangan, maklum balas dan cadangan penting berkaitan kerangka perundangan baharu yang sedang dirangka telah diterima oleh pihaknya dalam pertemuan itu.

Ini termasuk perkara yang perlu dipertimbangkan bagi memastikan peralihan dapat dilaksanakan dengan tersusun tanpa menjejaskan kelangsungan pentadbiran dan operasi universiti.

"Terima kasih atas kesediaan berkongsi pandangan dan kepakaran. Insya-Allah, segala input yang diterima akan menjadi sebahagian daripada pertimbangan penting dalam usaha membentuk masa depan pendidikan tinggi negara," katanya.

-- BERNAMA